

**SOALAN NO. 42****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik  
Abdul Aziz [Pasir Mas]**

**TARIKH : 13 November 2017 (Isnin)**

**SOALAN : 42**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

keadaan keselamatan di ESSZONE.

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan keselamatan kawasan ESSZONE pada ketika ini adalah **terkawal dan selamat.** Buktinya, pada tahun 2017 menyaksikan **tiada kes penculikan berlaku** berbanding pada tahun 2016 sebanyak **16 kes penculikan dilaporkan.** Hal ini adalah hasil tindakan ESSCOM bersama-sama pasukan keselamatan dan penguatkuasaan yang sentiasa memantau dan bersedia dengan sebarang kemungkinan yang berlaku di kawasan pantai timur Sabah.

Antara tindakan yang diambil dalam memastikan keadaan di kawasan ESSZONE terkawal adalah seperti berikut :

1. Mempertingkatkan kawalan di perairan sempadan dengan rondaan intensif dan juga mengadakan “coordinated patrolling” dengan pasukan keselamatan Filipina dan Indonesia.
2. Mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan di kawasan-kawasan yang disyaki tempat pendaratan

pendatang tanpa izin (PTI) di ESSZONE dengan mengadakan Operasi Bersepadu.

3. Mempertingkatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk dan keluar yang diwartakan seperti lapangan terbang dan pelabuhan di ESSZONE.

Sekian, terima kasih.